

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bentuk pemantauan yang telah dilaksanakan terhadap penyakit kulit kental berbonjol (*Lumpy Skin Disease*) yang boleh menjangkiti lembu ternakan, dan aspek penguatkuasaan yang telah dilakukan terhadap kesihatan dan kualiti daging-daging lembu yang dibekalkan ke seluruh negara, khususnya Sabah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyakit *Lumpy Skin Disease* atau LSD merupakan penyakit yang disebabkan oleh virus *Poxviridae* yang mudah tersebar melalui gigitan serangga dan mudah berjangkit melalui kontak rapat. Penyakit ini telah menyerang di negara seperti Thailand, Myanmar dan Vietnam. Pada masa ini, penyakit LSD di Malaysia adalah terkawal.

MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengambil tindakan pengawalan seperti berikut: -

- i. ternakan yang diimport perlu dari sumber yang bebas penyakit LSD;
- ii. ternakan import telah diberi suntikan vaksinasi LSD;
- iii. ternakan import dikuarantin sekurang-kurangnya 30 hari di negara asal dan 30 hari lagi setelah tiba di kuarantin dalam negara serta tidak menunjukkan tanda klinikal sebelum dibenarkan masuk dan keluar dari kuarantin; dan
- iv. melaksanakan sekatan pengimportan lembu dari Thailand bermula 21 Mei 2021;

DVS juga melaksanakan aktiviti pemantauan yang berterusan bagi tujuan pencegahan seperti berikut:-

- i. melaksanakan surveilan klinikal melalui pemeriksaan ke atas ternakan lembu dan kerbau di stesen kuarantin swasta di sempadan Malaysia-Thailand, serta di ladang-ladang di seluruh Semenanjung Malaysia;

## SOALAN NO : 31

- ii. tidak membenarkan kemasukan ternakan lembu yang diimport daripada Thailand dan telah disahkan positif LSD;
- iii. melupuskan ternakan yang disahkan positif LSD melalui sembelihan;
- iv. melaksanakan pemberian vaksin LSD (*live attenuated vaccine*) pada ternakan lembu dengan kerjasama syarikat swasta;
- v. mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tindakan Kawalan LSD sebagai panduan tindakan kawalan di dalam Negara kepada semua DVS negeri; dan
- vi. mengadakan kempen kesedaran penyakit LSD kepada penternak.

Untuk memastikan tahap kesihatan dan kualiti daging lembu adalah selamat, ternakan yang hendak disembelih perlu melalui pemeriksaan oleh Pemeriksa Daging (*Meat Inspector*) sebelum dan selepas disembelih di rumah sembelihan yang dilesenkan.

Sekian, terima kasih.